

AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA‘AH: SATU PENGENALAN

oleh
Dr. Johari b. Mat

Abstract

This article tries to introduce ahl al-Sunnah Wa al-Jama‘ah by referring to it's definition, background and principle.

Muqaddimah

Majlis Fatwa Kebangsaan yang telah bersidang di Langkawi telah memutuskan bahawa ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah sahaja yang diterima pakai di negara kita Malaysia. Aliran-aliran dan fahaman-fahaman lain dilarang dari diamal dan disebarluaskan di kalangan masyarakat. Keputusan tersebut dibuat ekoran dari timbulnya berbagai kesahaman di dalam masyarakat yang membawa kepada kekeliruan di dalam masalah agama.

Fenomena tersebut menyebabkan pihak berkuasa di negara ini terpanggil untuk membuatkan peraturan-peraturan tertentu untuk digunakan di dalam menjalankan urusan pentadbiran negara. Di dalam menangani pemasalahan ini, ada beberapa perkara yang perlu dijelaskan agar umat Islam dapat memahami dengan tepat di dalam menghadapi kemelut ini supaya mereka mendapat gambaran yang jelas dan nyata. Umat Islam perlu mendapat gambaran yang jelas mengenai definisi, sejarah Ahl al-Sunnah, sumber-sumber Ilmu, manhaj dan cabaran mereka pada masa kini.

Definisi Ahli al-Sunnah Wa al-Jama‘ah

Sebelum dibincang lebih jauh, ada baiknya kita mengetahui tentang definisi dan pengenalan ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah, agar ianya dapat difahami dan dikenali dengan lebih jelas dan tepat. Dari pengenalan ini nanti kita akan dapat membuat ukuran penilaian yang tepat siapakah yang dimaksudkan dengan ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah itu, di manakah letaknya kedudukan ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah masa lampau yang telah dapat membangun insan dan seluruh umat manusia dan negara di dalam masa kecemerlangan mereka dan di mana pula kedudukan ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah pada masa mutakhir ini sehingga mereka tidak dapat meneruskan kesinambungan yang telah diterokai oleh generasi dahulu.

Untuk memahami dengan lebih jelas lagi tentang definisi ini kita akan melihat dua perkataan yang telah menjadi suku kata utama iaitu: Ahl dan al-Sunnah.

(A) Ahl

Perkataan AHL (Ahli) pada umumnya membawa beberapa maksud. Antaranya ialah:

1. Orang yang paling pandai, pakar, mahir dan bijak di dalam sesuatu perkara, kerjaya dan bidang yang diceburi atau mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi di dalam sesuatu bidang pengkhususan tertentu. Kalau sekiranya dikatakan ahli falak, ianya bererti seseorang itu pakar di dalam Ilmu Falak, ahli ekonomi bererti seseorang itu pakar di dalam ekonomi dan begitulah seterusnya lain-lain ahli seperti ahli sihir, ahli nujum dan sebagainya.
2. Ahli juga digunakan untuk pengikut kepada seseorang, satu-satu kumpulan atau satu-satu aliran pemikiran tertentu yang mana ianya menjadi salah seorang dari anggotanya. Di antara ungkapan yang sering digunakan ialah seperti berikut:

Ahli keluarga	: bermaksud anggota keluarga yang terdiri dari suami isteri, anak-anak dan juga ibubapa
Ahli persatuan	: bermaksud orang yang menganggotai persatuan tersebut samada yang memegang jawatan atau pun tidak.
Ahli mazhab	: bererti orang yang mengikut satu mazhab tertentu.
Ahli Islam	: bererti orang yang menganut agama Islam
Ahli Sunnah	: bererti orang yang mengikut Sunnah Rasulullah (s.a.w.).

(B) Sunnah

Sunnah menurut pengertian bahasa¹ ialah *Tariqah* atau *Sirah*. Ia bermaksud jalan atau cara yang dilalui atau diikuti, sama ada baik atau pun buruk, atau juga adat yang biasa dilakukan sama ada baik atau pun buruk.

¹ Ibn. Faris, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, Iran (t.t.) Juz. 3 m.s. 60-62. Ibn. Manzur, *Lisan al-Arab*, Dar Sadir, Beirut (t.t.) Juz. 13, m.s. 218

Dalam hubungan ini Rasulullah (s.a.w.) telah bersabda:²

من سن سنة حسنة فله أجرها وأجر من عمل بها إلى يوم القيمة، من سن سنة سيئة
فعليه وزرها ووزر من عمل بها إلى يوم القيمة

"Barang siapa yang melakukan sesuatu Sunnah (jalan atau cara) yang baik, maka baginya pahala Sunnah itu dan pahala orang yang mengerjakan dengannya hingga hari kiamat, dan barang siapa yang melakukan sesuatu Sunnah yang jahat (buruk), maka dia akan mendapat dosa, dan dosa orang yang mengerjakan dengannya hingga hari kiamat."

Dan sabdaNya lagi:³

لتبعد عنك من قبلكم شبرا بشبر وذراعا بذراع حتى لو دخلوا جحر صب لدخلوه

Kedua-dua hadis di atas membawa pengertian bahawa perkataan Sunnah menurut bahasa ialah jalan, cara sama ada baik atau pun buruk. Untuk mengetahui apakah pengertian Sunnah itu digunakan untuk amalan yang baik atau pun buruk, ianya dapat dilihat pada penggunaan perkataan ayat atau hadis dalam konteks yang dimaksudkan. Sunnah yang baik biasanya disandarkan kepada Allah dan RasulNya. Walau bagaimanapun pada kebiasaan al-Sunnah di gunakan untuk menunjukkan perkara yang baik sahaja.

Al-Sunnah Menurut Istilah

Di dalam memperkatakan tentang al-Sunnah ini, terdapat berbagai definisi yang telah dikemukakan oleh para ulama mengikut bidang ilmu dan jurusan masing-masing. Lantaran itu, kita dapat bahawa definisi-definisi tersebut mempunyai persamaan dan perbezaan antara satu sama lain. Ini berlaku kerana fokus yang diberikan oleh sesuatu bidang itu berbeza dengan bidang yang lain. Berikut adalah beberapa definisi al-Sunnah yang telah diberikan oleh ulama.

1. Ahl al-Hadith

Mereka mentakrifkan al-Sunnah sebagai: Semua perkara yang dipindahkan dari Nabi (s.a.w.) sama ada perkataan, perbuatan dan *tagrir*, pengajaran dan kelakuan, sejarah hidup, samada yang berlaku sebelum baginda di bangkitkan sebagai nabi atau pun selepasnya..

² Sahih. Al-Maktabah al-Islamiyyah, Istanbul, Turki (t.t.) Juz. 2, ms.s 705.

³ Bukhari, *Sahih al-Jamie'* dalam *al-Fath al-Bari*, Dar al-ma'rifah, Beirut (t.t.) Juz. 4, m.s. 2045.

Ulama' Hadis melihat Rasulullah s.a.w. sebagai seorang imam dan pemimpin yang membawa hidayah dan sebagai contoh teladan kepada seluruh umat manusia. Justeru itu mereka memindahkan segala perkara yang berhubung dengan Rasulullah s.a.w. seperti *sirah*, *syama'il*, *akhbar*, perkataan, perbuatan sama ada memberi ketentuan hukum atau pun sebaliknya.

2. Ahl Usul al-fiqh

Mereka mendefinisikan al-Sunnah sebagai semua perkara yang dipindahkan dari nabi (s.a.w.) samada perkataan perbuatan *taqrir* yang bersangkutan dengan hukum.

Ahli Usul menumpukan perbahasan mereka kepada al-Sunnah/Hadis dari sudut kedudukan sebagai dalil syara'. Ini kerana Rasulullah s.a.w. adalah diutuskan membawa syariat hukum dari Allah dan menjelaskan konsep perundangan dan perlombagaan hidup kepada seluruh manusia. Di samping itu, ia juga menjelas dan menggariskan kaedah-kaedah pengambilan hukum kepada para mujtahidin. Justeru itu ahli usul memberikan penumpuan mereka kepada al-Sunnah yang ada hubungkait dengan persoalan hukum sahaja.

3. Ulama al-fiqh

Ulama al-fiqh pula mendefinisikan al-Sunnah sebagai sesuatu perkara yang diterima dari Rasulullah s.a.w. yang tidak menunjukkan sesuatu fardhu atau pun wajib.⁴

Para ulama al-fiqh menumpukan perhatian dan kajian mereka kepada hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang bersangkut paut dengan persoalan hukum Syara', iaitu hukum-hukum yang berhubung dengan perbuatan *mukallafin*, sama ada wajib, haram, sunat, makruh dan harus. Jadi al-Sunnah dalam kontek perbincangan Ahl al-fiqh di sini ialah sesuatu perkara yang tidak diwajibkan atau pun difardhukan.

4. Ulama al-Aqidah

Ulama al-Aqidah mendefinisikan al-Sunnah sebagai hidayah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w.), dan diikuti oleh para sahabatNya sama ada yang berupa ilmu atau pun *f'tiqad*, perbuatan atau pun perkataan, Janya adalah sebagai Sunnah

⁴ Mustafa al-Siba'i, *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyrie'*, al-Maktabah al-Islami, Beirut, cet. 4 1985. m.s. 47 - 49 Muhammad 'Ujaj al-Khatib, *al-Mukhtasar al-Wajiz Fi Ulum al-Hadis*. Muasasah al-Risalah, Beirut cet. 1 1405 m.s. 10 - 19.

yang wajib diikut dan diamalkan. Orang yang sedia mengikuti atau mematuhiinya dipuji, sebaliknya orang yang menyalahinya dibenci dan dikeji.⁵

Ulama Akidah melihat al-sunnah sebagai semua perkara yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. sama ada dari al-Quran atau pun Hadis, termasuk juga Ijtihad para sahabat, sama ada yang menyangkut persoalan hukum hakam ataupun tidak, asalkan saja ianya dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Umat Islam diminta supaya mamatuhui al-Sunnah sama ada Sunnah *fi liyyah* atau Sunnah *tarkiyah*.

Selain daripada pengertian al-Sunnah yang telah dijelaskan tadi, perkataan al-Sunnah juga digunakan untuk beberapa pengertian yang lain. Antaranya ialah:

1. Setiap perkara yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. yang bukan dari al-Quran, dikenali sebagai al-Sunnah. Sabda Rasulullah s.a.w.

ترکت فیکم أمرین لَنْ تضلُّوا مَا مسکم بِهَا، كَابَ اللَّهُ سَنَةَ نَبِيٍّ

Maksud al-Sunnah di sini ialah sama dengan maksud perkataan *al-hikmah* yang disebut di dalam Al-Quran (وَعِلْمُهُمُ الْكِتابُ الْحَكْمُ) (al-Baqarah: 29)

2. Setiap perkara yang mempunyai dalil syarak, samada dari al-Quran ataupun Sunnah Rasul s.a.w. dan ijtihad para sahabat. Ijtihad para sahabat juga adalah termasuk di dalam al-Sunnah berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w.:⁶

عليكم بستني وسنة الخلفاء والاشددين المهديين

"Hendaklah kamu mengikut SunnahKu dan Sunnah Khulafa al-Rasyidin al-Mahdiyyin."

Sayyidina Ali bin Abi Talib ketika menjelaskan tentang hukum sebatan kepada peminum arak, menyatakan:

جَلَدَ النَّبِيُّ أَرْبَعَينَ، وَجَلَدَ أَبُو بَكَرَ أَرْبَعَينَ، وَجَلَدَ عُرْمَانَ، وَكُلَّ سَنَةٍ

"Rasulullah s.a.w. menyebat ke atas peminum arak sebanyak empat puluh sebatan, Abu Bakar juga menyebat sebanyak empat puluh sebatan dan 'Umar menyebatnya sebanyak lapan puluh sebatan. Semuanya adalah Sunnah."⁷

3. Sunnah juga disebut sebagai lawan kepada Bid'ah

⁵ Muhammad bin Ibrahim al-Hamd, *Aqidah Ahl al-Sunah wa al-Jamaah*, Dar al-Watan, cet. 1. 1416, ms. 21.

⁶ Abu Daud, *Al-Sunan*, Dar al-Da'wah, Turki 1401, Juz. 5, ms.s. 13 - 15.

⁷ Al-Tarmidhi, *Kitab al-Ilm*, bab ma ja'a fi al-Akhḍhi bi al-Sunnah, no. (2676).

Seseorang itu dikatakan *Sunni*, apabila melakukan perbuatan atau pun amalan yang bertepatan dengan ajaran Islam sama ada dalilnya diambil dari al-Quran atau pun al-Sunnah. Sebaliknya seseorang itu disebut sebagai *Bidie'*, apabila melakukan perbuatan yang bertentangan dengan al-Quran atau pun al-Sunnah Rasul s.a.w.

Al-Sunnah yang dimaksudkan di dalam perbincangan di sini ialah di dalam konteks Ahl Sunnah di mana mereka mengikut semua *tariqah*, jalan yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w.) sama ada di dalam *i'tiqad*, perbuatan (amalan atau 'ibadah) dan perkataan, sebagaimana yang difahami dan dilaksanakan oleh para sahabat yang berpegang teguh dengan kitab Allah dan Sunnah RasulNya.

DEFINISI AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Setelah diketahui pengertian al-Sunnah dari sudut bahasa dan istilah kita akan lihat pula definisi yang telah diberikan oleh para ulama tentang ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Antaranya ialah:

1. Ibn Hazm mentakrifkan Ahl al-Sunnah sebagaimana mereka yang disebut sebagai Ahl al-haq di mana kalau ada yang selain dari mereka disebut sebagai Ahl al-Bid'ah. Mereka adalah para sahabat (r.a.), dan semua orang yang mengikut manhaj mereka yang terdiri daripada para tabi'en (r.a.), Ashab al-Ahadith dan pengikut mereka dari kalangan ulama' al-Fiqh, dari generasi ke generasi sehingga sampai kepada hari ini dan juga pengikut mereka yang terdiri dari orang-orang awam yang berada di timur dan ataupun di barat r.a.⁸
2. Ibn al Jawzi mentakrifkan A'il al-Sunnah sebagai Ahl al-Naql dan al-Athar yang mengikut hadis-hadis Rasulullah (s.a.w.) dan athar para sahabatnya. Mereka berada di atas jalan yang mana perkara-perkara baru (bid'ah) masih belum berlaku. Perkara-perkara bid'ah hanya berlaku selepas zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabatNya.⁹
3. Al-Safarini pula menyatakan bahawa Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah ahlu al-Islam dan al-Tauhid yang berpegang teguh dengan Sunnah yang *thabit* dari Rasulullah s.a.w. di dalam perkara akidah *Nihal*, Ibadah batin dan zahir yang tidak dikotori oleh sebarang bid'ah yang dibawa oleh ahlu al-Ahwa' dan ahlu al-Kalam iaitu dalam bab ilmu dan 'Itiqadat'.¹⁰

⁸ Ibn Hazm, *Al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*, Dar al- Ma'rifah, Beirut c. 11, 1395. 2/113.

⁹ Ibn al-Jawzi, Dar al-Uloom , I-Hadith, Beirut (t.t.) m. 21.

¹⁰ Lawami al Anwar al-Bahiyah, al-Maktab al-Islami, Beirut cet. 1991, Juz. 1, m.s. 22.

4. Muhammad Sadiq Khan pula berkata; ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah ialah ahl al-Hadith yang mengikut (Rasulullah s.a.w.), bertauhid dan berpegang dengan kitab Allah dan Sunnah rasulNya yang suci.¹¹

Dari definisi-definisi di atas dapat disimpulkan bahawa ahl al-Sunnah itu ialah;

Orang-orang yang berpegang teguh dengan kitab Allah, Sunnah RasulNya dan apa yang disepakati oleh para sahabat dan para tabien serta pengikut mereka sampai ke hari ini. Mereka beriltizam dengan kedua sumber tersebut, sama ada perkataan, perbuatan maupun i'tiqad dan juga apa-apa yang bertepatan dengannya sebagaimana yang difahami dan diamalkan oleh para al-salaf al-salih.

Dengan itu dapat dirumuskan bahawa ahl al-Sunnah itu adalah:

1. Para sahabat Nabi s.a.w. mereka merupakan generasi pertama yang menerima ajaran dari Rasulullah s.a.w. secara langsung. Ajaran tersebut adalah merangkumi i'tiqad, ibadah, akhlak, syariah dan sebagainya. Mereka merupakan orang yang lebih mengetahui tentang Sunnah Rasulullah s.a.w. berbanding dari orang lain di samping beramal dan berpegang teguh dengannya.
2. Para al-tabi'in dan atba' al-tabi'in yang mengikut jejak langkah para sahabat pada setiap masa dan tempat, terutama sekali ahl al-Hadith dan al-Athar yang telah menyampaikan Sunnah Rasulullah s.a.w. kepada kita. Mereka berkerja keras dalam mengumpul dan mengklasifikasikan hadis-hadis yang sahih dari yang dhaif. Mereka beramal dengan hadis-hadis sahih yang datang dari Rasulullah s.a.w.
3. Orang-orang awam di seluruh pelusuk dunia yang mengikut al-Quran dan al-Sunnah dan memahaminya sebagaimana yang difahami oleh para al-salaf al-saleh pada setiap masa dan tempat. Mereka juga tidak melakukan perkara-perkara bid'ah dalam agama.

Kenapa mereka dipanggil dengan gelaran ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah?

Mereka dipanggil ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kerana mereka mengikut Sunnah Rasulullah s.a.w. Tidak ada golongan umat yang lebih kuat berpegang dengan sunah Rasul s.a.w. selain daripada mereka.¹² Asas yang membezakan antara ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan golongan lain ialah *ittiba'*, tidak

¹¹ Al-Din al-Khatib, Maktabah al-Furqan, Mesir (t.t.). Juz 3 m.s. 418.

¹² Al-Isfirayni, *Al-Tabsir fi al-Din*, m. 13, Ibn Taimiyah, *Al-Muntaqa*, m. 189.

'ibtid'a' dan mengikut hawa nafsu di dalam memahami dan menghayati asas-asas dan prinsip-prinsip agama. Hal ini adalah sebagaimana yang telah dijelaskan oleh hadith Rasulullah s.a.w.¹³

وسترق هذه الأمة على ثلاث وسبعين فرقة في الأهواء .

"Umat ini akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan yang menurut al-ahwa (hawa nafsu)."

Istilah Ahli Sunnah

Istilah ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah digunakan di dalam dua penggunaan, iaitu istilah umum dan istilah khusus.

Istilah umum digunakan bagi merujuk kepada umat Islam yang mengisbatkan khalifah Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali r.a. ia digunakan untuk membezakan antara Ahl al-Sunnah dengan syiah. Termasuk di dalam istilah umum ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ini ialah semua golongan atau *firqah* Islam - selain dari syiah. Ini kerana mereka menerima susunan khalifah sebagaimana yang dinyatakan di atas. Dengan itu umat Islam dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu: ahl al-Sunnah dan syiah.

Sementara itu, apa yang dimaksudkan dengan istilah khusus ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah disini ialah golongan yang bertentangan dengan golongan bid'ah dan golongan yang mengadakan perkara baru di dalam agama seperti Syiah, Khawarij, Jahmiyyah, Mu'tazilah, Murji'ah serta golongan yang serupa dengan mereka. Istilah ini dengan sendirinya menjelaskan bahawa golongan-golongan yang terangkum dalam konteks pengertian umum ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah itu terkeluar, di mana ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah itu adalah satu golongan yang tidak menyerupai dengan golongan tersebut.

Nama-nama Ahl al-Sunnah yang lain

Selain dari nama ahl al-Sunnah, ahl al-Sunnah juga mempunyai nama-nama lain yang telah digunakan di sepanjang sejarah umat Islam. Antaranya ialah seperti berikut:

1. Ahl al-Jamaah

Nama ahl al-Jama'ah adalah di antara nama yang terkenal di kalangan umat Islam. Biasanya ia digandingkan dengan perkataan al-Sunnah dan disebut sebagai ahl al-Sunnah wal Jama'ah. Kadang-kadang ia juga disebut secara berasingan iaitu ahl al-Jama'ah.

¹³ Ibn Abu 'Asim, Al-Sunnah 1/34 no (69).

Nama ahl-al-Jamaah ini diambil dari hadith Rasulullah s.a.w. yang menjelaskan tentang sifat-sifat dan ciri-ciri Firqah al-Najiah, sabdanya;¹⁴

إِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَفْرَقْتُ عَلَىٰ إِحْدَىٰ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً، وَأَنَّ أُمَّتِي سَقَرَقْتُ عَلَىٰ اثْنَيْنِ وَسَبْعِينَ
فِرْقَةً، كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةٌ وَهِيَ الْجَمَاعَةُ

"Bani Israil berpecah kepada tujuh puluh satu golongan, dan umatku akan berpecah kepada tujuh puluh dua golongan, kesemuanya masuk neraka kecuali satu golongan sahaja yang selamat iaitu: Al-Jama'ah."

Para ulama' telah berusaha mencari golongan manakah yang dimaksudkan dengan al-Jamaah, iaitu golongan yang terselamat sebagaimana yang dijelaskan di dalam hadith tersebut. Pada umumnya pendapat para ulama' berhubung dengan pengertian perkataan al-Jamaah di dalam hadith di atas adalah seperti berikut;

1. Golongan teramai *Al-Sawad al-'Azam* dari kalangan umat Islam.
2. Kumpulan ulama Mujtahidin
3. Jamaah Sahabat Rasulullah s.a.w. secara khusus.
4. Jamaah ahl al-Islam apabila mereka bermuwafakat di atas sesuatu perkara.
5. Jamaah umat Islam apabila mereka mengikut seseorang amir.
6. Jamaah ahl al-Haq.

Setelah al-Syatibiyy menyebut pendapat-pendapat tersebut. Beliau akhirnya menyimpulkan bahawa apa yang dimaksudkan dengan al-Jamaah adalah semuanya merujuk kepada *al-Ijtima'* iaitu bersatu berada di bawah pimpinan yang mengikut kitab Allah dan Sunnah RasulNya. Ini jelas menunjukkan bahawa bersatu bukan atas dasar al-Sunnah adalah terkeluar dari pengertian al-Jamaah yang disebutkan oleh hadith tadi seperti golongan Khawarij dan lain-lain lagi.

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa apa yang dimaksudkan dengan al-Jamaah atau ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, juga al-Firqah al-Najiyah adalah para sahabat, para al-tabi'in dan orang-orang yang mengikut mereka dari kalangan para ulama mujtahidin yang berpegang dengan manhaj kitab Allah dan Sunnah RasulNya, juga orang-orang yang mengikut mereka sampai hari kiamat. Antara sifat mereka ialah sentiasa berlitzam dengan jamaah umat Islam dan pimpinan mereka. Ini kerana mengikut Sunnah menghendakkan mereka berada di dalam jamaah kecuali apabila dilihatnya terdapat kekufuran yang nyata dalam jemaah. Pada ketika itu ia perlu menjauhi jamaah dan pimpinan tersebut. Ini kerana takrif jamaah ialah merujuk kepada jamaah yang berada di atas jalan kebenaran.

¹⁴ Abu 'Asim, Al-Sunnah 1/3, Abu Daud 5/6, Ahmad 4/102, Hakim 1/1128, Al-Lalakaie 1/102, Ajuri, Syariah 18, Ibn Batah, Ibanah, 106, Albani, Hadith Sahih no (204).

2. Ahl al-Hadith

Ahl Al-Hadith ialah di antara nama ahl al-Sunnah. Istilah ini diberikan kepada orang yang mengikut mazhab al-salaf al-saleh yang mana semua amalan, perbuatan dan i'tiqad mereka diambil dari hadith Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a. Abd al-Qadir al-Jaylani pernah menyatakan bahawa ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah hanyalah mempunyai satu nama sahaja iaitu ahl al-Hadith.¹⁵

Ahl al-Hadith adalah orang yang paling mengetahui tentang ucapan dan kata-kata Rasulullah s.a.w. Mereka dapat membezakan di antara hadith-hadith sahih dengan da'if. Imam-imam Hadis adalah orang yang paling memahami tentang Hadith dan mengerti makna dan maksudnya. Mereka sangat kuat berpegang dengan Hadis dan mengamalkannya. Di samping itu, mereka juga amat kasih terhadap orang yang beramal dengan Sunnah dan benci terhadap orang yang tidak beramal denganNya.

3. Ahl al-Athar

Ahl al-Sunnah juga dikenali dengan nama ahl al-Athar. Ini kerana akidah yang dianuti mereka adalah berdasarkan kepada sumber-sumber *ma'thur* iaitu sama ada dari Allah s.w.t., sebagaimana yang disebut di dalam kitabNya atau dari Sunnah Rasulullah s.a.w., juga atau yang *thabit* dari al-salaf al-saleh (iaitu para sahabat, tabi'en dan pengikut-pengikut mereka.)

Al-Khatib al-Baghdadiyy telah meriwayatkan di dalam kitabnya *Ashab al-Hadith* kata-kata dari Sufyan al-Thawri, berikut:¹⁶

إِنَّ الدِّينَ بِالْأَثَارِ، لَيْسَ بِالرَّأْيِ، إِنَّ الدِّينَ لَيْسَ بِالرَّأْيِ

"Sesungguhnya agama itu adalah dengan athar bukan dengan fikiran, sesungguhnya agama itu ialah dengan athar bukan dengan fikiran."

عَلَيْكَ يَا تَارِ من سَلْفٍ وَأَنْ رُفْضَكَ النَّاسُ، وَأَنْكَ وَرَأْيَ الرَّجَالِ وَإِنْ زُخْرَفَهُ لَكَ الْقَوْلُ،
فَإِنَّ الْأَمْرَ يَنْجُلِي وَأَنْتَ عَلَى صِرَاطِ مَسْتَقِيمٍ

"Hendaklah kamu berpegang dengan athar orang sebelum kamu, walaupun ianya ditolak oleh manusia dan jauhilah kamu dari berpegang dengan pendapat orang, walaupun mereka hiasinya dengan kata-kata (iaitu kata-kata yang baik) kerana

¹⁵ Al-Ghunya li Talib al-Haq, 1/71.

¹⁶ Al-Khatib al-Baghdadiyy, *Sayrafm ahl al-Hadith*, 5 - 6.

sesungguhnya perkara ini adalah sangat terang dan engkau berada di atas jalan yang lurus.”

4. Al-Firqah al-Najiah

Nama ini diambil dari sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a. Rasulullah s.a.w. bersabda:¹⁷

إِنْ أَمْتَى سُنْنَةً عَلَى الْأَيْمَنِ وَسَبْعِينَ مِلَةً، كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةٌ وَهِيَ الْجَمَاعَةُ
Di dalam hadis lain baginda bersabda:¹⁸

مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي

Sementara itu, Imam Ahmad berkata:¹⁹

إِنْ لَمْ يَكُنُوا أَصْحَابَ الْحَدِيثِ فَلَا أَدْرِي مَنْ هُمْ

“Kalau sekiranya mereka (al-firqah al-najiah) bukan ahl-al-Hadith, aku tidak tahu lagi siapakah mereka”

Manakala Syaikh Abd al-Qadir al-Jaylani puji berkata:²⁰

وَأَمَا الْفَرَقَةُ التَّاجِيَّةُ فَهُمْ أَهْلُ السَّنَةِ وَالْجَمَاعَةِ

“Adapun al-firqah al-najiah itu ialah Ahl al-Sunnah wal al-Jama'ah”

Justeru itu kita dapatkan bahawa para ulama dahulu dan sekarang menamakan al-firqah al-najiah sebagai salah satu daripada nama ahl al-Sunnah.

5. Al-Ta'ifah al-Mansurah

Nama ini diambil dari sabda Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Mughirah bin Syu'bah r.a.:²¹

لَا تَزَال طَاغِيَّةٌ مِنْ أُمَّتِي ظَاهِرِينَ عَلَى الْحَقِّ حَتَّى يَأْتِي أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ ظَاهِرُونَ

“Sentiasa ada dari kalangan umatku golongan yang mempertahankan kebenaran sehingga datang kiamat”

Sementara itu, para ulama' juga telah menyatakan pandangan masing-masing berhubung dengan al-ta'ifah al-Mansurah ini. Antaranya ialah seperti berikut:

¹⁷ Al-Khatib al-Baghdadiyy, *Sayrafm ahl al-Hadith*, 5 - 6.

¹⁸ Al-Tirmidhi, *Sunan*, Maktab al-Tarbiyyah al-Arabi, cet. 1, 1408, juz 2, m.s. 334.

¹⁹ Al-Khatib al-Baghdadiyy, *Syaraaf Ahl al-Hadith*, Dar Ihya al-Sunnah al-Nabawiyah, (t.t.) m.s. 24.

²⁰ Al-Ghuniyyah Al-Jaylani, Maktabah al-babi al-Halabi, Mesir, 1956, m. s.85.

²¹ Bukhari dalam Fath al-Bari, 13/293, no (7311).

Abdullah bin al-Mubarak berkata:²²

هم عندي أهل الحديث

Yazid bin Harun juga berkata;²³

إن لم يكونوا أصحاب الحديث فلا أدري من هم

"Sekiranya (*al-tai'fah al-mansurah*) itu bukan *ahl al-Hadith* saya tidak tahu lagi siapa mereka."

Ali al-Mandinyy juga turut berkata;²⁴

هم عندي أهل الحديث

Imam Ahmad bin Hanbal (m.) berkata:²⁵

أن لم تكن هذه الطائفة المنصورة أصحاب الحديث فلا أدري من هم

"Sekiranya *al-tai'fah al-mansurah* ini bukan *ahl al-Hadith*, saya tidak tahu lagi siapa mereka"

6. Al-Salaf al-Saleh

Apa yang dimaksudkan dengan *al-salaf al-saleh* di sini ialah para sahabat, para *al-tabi'in* dan para *imam* yang adil, seperti *imam mujtahidin* dan sebagainya, yang tidak dituduh melakukan *bid'ah* dan diberi gelaran yang tidak baik seperti *khawarij*, *Rafidah*, *Mu'tazilah*, *Jabariyyah* dan semua golongan yang menyimpang dari landasan kebenaran.

Pada kebiasaannya perkataan *al-salaf* disebut merujuk kepada dua penggunaan. Pertamanya merujuk kepada sejarah dan keduanya merujuk kepada manhaj.

Penggunaan yang merujuk kepada sejarah biasanya dirujuk kepada tiga kurun pertama hijrah sebagaimana yang disebut di dalam hadis Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:²⁶

خِيرُ الْقَرُونِ قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَهُمْ

"Sebaik-baik kurun adalah kurunku, kemudian kurun selepas aku dan kemudian kurun berikutnya."

²² *Ibid*, lihat sama, 13/293 no (7311)

²³ *Ibid*, lihat sama, *al-Khatib al-Baghdaddiy* m. 26.

²⁴ *Ibid*. 26.

²⁵ Al-Tirmidhi, *Ibid*, 4/485.

²⁶ Al-Bukhari, di dalam *Fath al-Bari*, 11/244, no (629). (6428).

Penggunaan al-salaf-al-saleh juga merujuk kepada manhaj. Manhaj yang dimaksudkan di sini ialah jalan atau cara yang diikuti oleh para sahabat r.a. dan orang-orang yang mengikut jalan mereka. Mereka berpegang dengan kitab Allah dan Sunnah RasulNya dan meletakan kedua-dua sumber tersebut di tempat yang tertinggi. Mereka juga mendahulukannya dari sumber-sumber yang lain dan beramal mengikut sebagaimana yang difahami oleh para sahabat dan al-salaf al-soleh.

Penggunaan perkataan al-salaf menurut pengertian pertama adalah berdasarkan kepada satu period masa yang tertentu. Ia telah berakhir setelah kesemua generasi tersebut meninggal dunia. Sementara penggunaan kedua puluh yang berdasarkan kepada manhaj memberi maksud bahawa golongan al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah masih ada dan akan terus kekal sampai bila-bila. Sesiapa saja dapat menisbahkan dirinya kepada al-salaf asalkan sahaja mereka mengikut manhaj ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di dalam aspek ilmu, iman dan amal.

Sejarah Kemunculan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah

Di dalam memperkatakan tentang sejarah kemunculan ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ini, kita akan temui beberapa pandangan ulama dan para pengkaji sejarah Islam. Ada yang berpendapat bahawa ahl al-Sunnah muncul pada kurun ketujuh Hijrah,²⁷ Ada juga yang berpendapat ia muncul pada masa pemerintahan khalifah al-Mansor dan al-Rashid di zaman pemerintahan Abbasiah.²⁸ Ada juga yang berpendapat bahawa ia muncul pada pertengahan kurun ketiga Hijrah, di mana ia dibawa oleh Abu Hasan al-Ash'ari dan lain-lain lagi.

Kalau kita lihat kepada hadis-hadis dan lembaran sejarah umat Islam, kita akan temui bahawa nama ahl al-Sunnah itu sebenarnya telah pun ada terdapat di dalam nas-nas hadis. Nas-nas yang dimaksudkan ialah nas yang menggesa umat Islam supaya berpegang teguh dengan Sunnah dan beramal dengannya. Terdapat juga penggunaan nama ini di kalangan para al-salaf al-saleh. Berdasarkan kepada definisi di atas, jelas menunjukkan bahawa ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah itu adalah dipelopori oleh para sahabat. Ini bererti bahawa ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah telah muncul sejak awal Islam lagi. Ia merupakan arus perdana di dalam masyarakat generasi Islam pertama lagi. Dengan itu , kita tidak perlu mencari teori-teori lain untuk membuktikan bahawa ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah merupakan arus perdana di dalam masyarakat Islam sejak awal Islam lagi.

²⁷ Bukhari di dalam *Fath al-Bari*, 11/244, no (629), (6428).

²⁸ Mustafa al-Syak'ah, *Islam Bila Madhhab* ms. 22.

Untuk membuktikan bahawa ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah telah ada sejak dari zaman awal Islam lagi dan penggunaan nama tersebut telah tersebar luas pada masa sahabat, di nyatakan berikutnya beberapa petikan yang jelas membuktikan kedudukan ini. Antaranya:

1- فقد أخرج الالكاني بسنده عن ابن عباس رضي الله عنهما في قوله تعالى (يوم نبض وجوه وتسود وجوه) [آل عمران: 106] : فاما الذين ابصروا وجوههم ²⁹ هم أهل السنة والجماعة، وأما الذين اسودت وجوههم: فأهل البدع الصالحة.

2- ابن سرين (110-33)
قال (كانوا لا يسألون عن الاستناد فلما وقعت الفتنة قالوا: سموا لنا رجالكم، فينظر إلى أهل السنة فيوخذ حديثهم، ينظر إلى أهل البدع فلا يؤخذ حديثهم) ³⁰.

3- أبو السخيني (131-68)
فقد أخرج الالكاني عنه فقال: (إني أخبرت بموت الرجل من أهل السنة وكأني أفقد بعض أعضائي) ³¹.
4- سفيان التوسي (ت: 187)
قال: (استوصوا بأهل السنة خير قلبهم غراء) ³².
وقال أيضاً: (ما أقل أهل السنة والجماعة) ³³.

5- الفضل بن عياض (ت: 187)
قال: أهل الارجاء يقولون: الإيمان قول بلا عمل، وتقول الجهمية: الإيمان المعرفة بلا قول ولا عمل، ويقول أهل السنة: الإيمان المعرفة والقول والعمل. ³⁴

Dari beberapa petikan di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa penggunaan istilah ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah telah tersebar luas di kalangan para al-salaf al-saleh lagi. Ini adalah hasil dari saranan Rasulullah dan gesaanNya agar mereka

²⁹ Syarh Usul Al-Sunnah, 1/72, Baghawi, Ma'ali al-Tanzil, 1/339, Ibn Kathir, Tafsir al-Quran al-Azim, 2/76.

³⁰ Muqadimah Sahih Muslim, ms. 15.

³¹ Syarh Usul Ahl al-Sunah, 1/60-61.

³² Ibid, 1/63.

³³ Ibid, 1/64.

³⁴ Ibn Jarir al-Tabari, Tahdhib al-Athar, 2/182.

berpegang teguh dengan al-Sunnah dan jangan sekali-kali meninggalkanNya. Lantaran itu, kita tidak boleh bertanya bilakah munculnya ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagaimana yang ditanya kepada golongan-golongan lain seperti Khawarij, Syiah, Mu'tazilah dan sebagainya.

Cuma apa yang mungkin dapat dibincangkan di sini ialah bilakah tentang nama ini digunakan secara rasmi di dalam masyarakat Islam. Ini kerana pada masa permulaan, umat Islam hanya mengenal Islam sahaja dan tidak menggunakan nama-nama lain. Mereka tidak menisbahkan kepada seseorang sahabat walaupun kedudukan mereka sangat tinggi. Mereka hanya meletakkan Rasulullah s.a.w. sebagai ikutan di dalam kehidupan mereka. Imam Malik pernah berkata bahawa Ahl al-Sunnah tidak mempunyai gelaran khusus yang dapat dikenalinya. Mereka bukan Jahmiyyah, Qadariyyah dan Rafidah.³⁵

Para al-salaf al-saleh melarang keras umat Islam menamakan diri mereka dengan nama-nama bukan Islam. Ibn Abbas berkata:³⁶

من أقر باسم من هذه الأسماء الخدنة فقد خلع ربيبة الإسلام من عنقه

“Siapa yang menerima nama-nama yang baru ini. Mereka telah buang ikatan Islam dari lehernya.”

Maimun bin Mahran berkata:³⁷

إياكم وكل اسم يسمى بغير الإسلام

“Jauhilah kamu semua dari semua nama yang digunakan selain nama Islam.”

Malik bin Migwal pula berkata:³⁸

إذا سمع الرجل بغير الإسلام والسنّة فاحتفظ بما في دين شنت

“Apabila seseorang itu dinamakan dengan bukan nama Islam dan Sunnah, maka bolehlah ia diletakkan di bawah mana-mana nama agama yang anda mahu.”

Dengan itu kita dapati bahawa umat Islam pada peringkat awal hanya menggunakan nama Islam dan Sunnah di dalam hidup mereka. Imam Ibn. Abd al-Bar berkata:³⁹

³⁵ Ibn Abd al-Bar, *Al-Intiqâ' fi Fad'ail al-Thalathah al-Alimah al-Fuqaha*, ms. 35.

³⁶ Ibn Battah, *Al-Ibanah al-Sughra*, ms. 137.

³⁷ *Ibid.* 137.

³⁸ *Ibid.* 137.

³⁹ *Syarh al-Sunah*, ms. 21.

اعلم أن الإسلام هو السنة هي السنة هي السنة ولا ينفع أحد هما إلا بالآخر

"*Ketahuilah bahawa Islam itu adalah sunah dan Sunnah itu ialah Islam. Salah satu dari keduanya itu tidak akan wujud tanpa yang lain.*"

Penggunaan istilah *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* hanya dimulakan setelah berlakunya fitnah dan perpecahan di dalam masyarakat Islam. Ia bertujuan untuk membezakan antara golongan serpihan yang telah lahir akibat perpecahan itu seperti Syiah, Khawarij, Mu'tazilah dan sebagainya. Golongan-golongan tersebut telah menyeleweng dari manhaj yang telah dibawa oleh Rasulullah (s.a.w.) dan yang menjadi ikutan para sahabatNya.

Kalau kita ingin memperkatakan tentang fitnah dan perpecahan yang telah berlaku di dalam masyarakat Islam awal, sudah pasti ianya memerlukan kepada satu perbincangan khusus. Memadailah kalau disebut di sini beberapa keadaan yang telah berlaku: Antaranya ialah;

1. Fitnah mula berlaku semasa pemerintahan Uthman bin 'Affan, Khalifah Rashidin ketiga, sehingga beliau telah mati dibunuh. Akibatnya muncul golongan Khawarij dan Mu'tazilah. Khawarij telah mengkafirkan Ali dan para sahabat yang terlibat dalam perang. Sementara itu, di kalangan golongan Syiah pula, ada yang mendewakannya sehingga mengangkat beliau ke tahap *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah*.
2. Di akhir generasi sahabat telah muncul pula golongan Murji'ah dan Qadariyyah seterusnya disusuli pula dengan kemunculan golongan Jahmiyyah, Musyabbihah dan lain-lain.

Kesimpulannya *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi dan diteruskan oleh para sahabat. Ia merupakan arus perdana di dalam masyarakat Islam awal. Sementara golongan-golongan lain pula merupakan golongan serpihan dari *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Sebab itulah kita tidak boleh bertanya tentang sejarah kemunculannya sebagaimana kita ajukan soalan tersebut kepada golongan-golongan lain. Ini kerana golongan-golongan tersebut perlu kepada nama tertentu bagi memperlihatkan jati diri mereka dan *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tidak perlu kepada nama tertentu pada peringkat awalnya.

Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah

Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah mempunyai manhaj yang jelas di dalam soal akidah dan hukum. Mereka telah meletakkan kitab Allah, Sunnah RasulNya dan *Ijma'* sebagai sumber utama di dalam Akidah dan hukum hakam. Di samping itu,

akal yang sejahtera dan fitrah yang murni dijadikan sebagai sumber pelengkap kepada akidah. Qias pula merupakan sumber keempat bagi hukum-hakam.

Di bawah ini diterangkan secara ringkas tentang ciri-ciri manhaj ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah, di dalam soal akidah dan hukum-hakam. Antaranya ialah:

(A) Mereka membataskan penerimaan ilmu hanya kepada kitab Allah dan Sunnah RasulNya

Untuk merealisasikan manhaj ini setiap umat Islam hendaklah beriman dengan mendalam dan secara bersungguh-sungguh dengan hati yang bersih kepada Allah s.w.t. dan RasulNya. Keyakinan ini hendaklah dicernakan di dalam hidup mereka dengan penuh yakin dan iman yang mendalam. Di antara perkara-perkara yang wajib diyakini dengan manhaj ini ialah:

1. Islam adalah satu-satunya Agama Allah yang sebenar. Allah telah redha Islam sebagai agamaNya sampai hari kiamat. Nabi Muhammad s.a.w. adalah Rasul yang terakhir.
2. Syariat Islam telah sempurna. Ia mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia dan dapat menyelesaikan segala masalah yang timbul di dalam masyarakat dengan sebaik-baiknya, bermula dari kehidupan dunia hingga sampai ke akhirat.
3. Jangan mendahului Allah dan RasulNya di dalam menentukan sesuatu perkara sebelum dirujuk kepadaNya (kitab Allah dan Sunnah RasulNya).
4. Patuh dan tunduk kepada Allah dan RasulNya dengan sepenuh hati dan tidak berbelah bagi.
5. Kembali kepada Allah dan Rasulnya apabila berlaku perselisihan di antara satu sama lain berhubung dengan sesuatu perkara samada kecil atau pun besar.

(B) Sunnah Rasul merupakan hujjah di dalam Akidah dan Syariah

Mereka berpegang kepada Sunnah Rasul yang sahih di dalam soal akidah dan syariat. Ini berasaskan kepada beberapa sebab seperti berikut:

1. Di antara tuntutan syahadah ialah beriman dengan Rasulullah s.a.w. Beriman dengan Baginda bererti wajib membenarkan apa sahaja yang telah disampaikan. Ini termasuk semua perkara yang telah disebut di dalam kitab Allah atau Sunnah Rasulnya, sama ada yang berhubung dengan persoalan akidah atau pun ibadah, syariat dan sebagainya.

2. Orang yang paling tahu tentang apakah kebaikan yang sebenarnya bagi manusia seluruhnya ialah Rasulullah (s.a.w.) Beliau telah berusaha sedaya upaya untuk menyampaikan kebaikan itu kepada umatnya. Beliau juga cuba untuk menjauhkan mereka dari segala bahaya dan mala petaka. Justeru itu, setiap perkara yang baik disampaikan dan sebaliknya setiap perkara yang buruk di larangnya.
3. Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan semua perkara yang telah diturunkan kepadanya dengan jelas. Beliau tidak menyembunyikan sesuatu perkara pun. Justeru itu, kita wajib menerima hadis Rasulullah s.a.w. yang sahih tanpa mempersoalkannya lagi. Kerana apa yang disampaikan oleh Baginda s.a.w. adalah wahyu yang datang dari Allah s.w.t.

(C) Para sahabat adalah orang yang lebih mengetahui - selepas Rasulullah - tentang akidah dan syariat. Justeru itu, semua kata-kata, pendapat dan tafsiran mereka kepada nas-nas adalah dikira sebagai hujjah. Ini berdasarkan kepada sebab-sebab seperti berikut:

1. Mereka hidup semasa dengan Rasulullah s.a.w. dan melihat sendiri peristiwa-peristiwa yang berlaku. Mereka mengetahui tentang penurunan wahyu untuk menjelaskan tentang sesuatu keadaan, menjawab persoalan dan menyelesaikan pertikaian di antara satu pihak dengan pihak yang lain.
2. Orang yang pernah berjumpa dan beriman dengan Rasulullah s.a.w. tentu sekali mempunyai iman yang lebih kuat berbanding dengan orang lain. Mereka juga lebih faham tentang persoalan agama kerana mereka dapat bertanya secara langsung kepada baginda dan mendengar sendiri segala ajaran dan penjelasannya. Ilmu dan iman mereka lebih sempurna dan mantap berbanding dengan orang lain sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Baginda s.a.w. di dalam hadith-hadithnya.
3. Perselisihan tentang akidah tidak pernah berlaku di kalangan para sahabat Nabi s.a.w. walaupun berlaku perbezaan pendapat di dalam soal hukum hakam. Kalau pun mereka tidak bersepakat di dalam menentukan sesuatu hukum, mereka tetap saling hormat menghormati di antara satu sama lain. Ukhluwwah mereka tetap utuh dan teguh.
4. Para sahabat akan bertanya kepada Rasulullah s.a.w. kalau sekiranya mereka tidak faham tentang sesuatu atau muncul sesuatu perkara baru yang tidak diketahui hukumnya. Mereka juga akan bertanya sekiranya timbul kesamaran di dalam sesuatu perkara, di mana mereka tidak akan membiarkan ianya berlalu begitu sahaja tanpa dirujuk kepada Rasulullah s.a.w.

- (D) Mereka memuliakan nas-nas syarak, menyerah dan mengikut apa saja wahyu yang disampaikan dan tidak menyanggah dengan akal fikiran mereka. Mereka memberikan kepada akal peranan yang sesuai dengan kemampuannya
- (E) Kitab Allah dan Sunnah RasulNya cukup sempurna dan dapat menyelesaikan segala masalah yang akan berlaku. Ia adalah hidayah dan Nur. Semua kebaikan untuk manusia telah dinyatakan oleh keduanya, segala keburukan juga telah dijelaskan satu persatu agar manusia menjauhinya

(F) Mendahulukan nas syara' dari akal

Mereka yakin bahawa setiap perkara yang bertentangan dengan syarak adalah tidak betul dan tidak perlu diikuti. Manakala apa sahaja yang telah ditetapkan oleh syarak adalah betul dan benar. Oleh itu kita tidak akan menemui pandangan ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang bertentangan dengan nas-nas syara'. Semua imam-imam mujtahidin seperti Abu Hanifah, Malik, Syafie dan Ahmad bin Hanbal menggesa umat Islam supaya berpegang dengan nas-nas al-Quran dan al-Hadith. Mereka menggesa umat Islam agar jangan menuruti pandangan mereka yang bertentangan dengan hadith-hadith Rasulullah s.a.w.

(G) Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah berlaku adil kepada orang yang tidak sealiran dengan mereka

Mereka mengakui kebenaran yang ada pada musuh. Kalau mereka melakukan sesuatu kesalahan, mereka akan mengakui kesalahan tersebut dan sanggup memperbetulkannya.

(H) Menolak semua perkara yang bertentangan dengan syariat Allah

(I) Berusaha menyekat setiap perkara yang membawa kepada bid'ah di dalam Agama

(J) Melakukan Amar ma'ruf dan Nahi Munkar

Umat Islam Kini

Kita semua mengetahui tentang suasana dan keadaan yang dihadapi oleh umat Islam masa kini. Mereka terdedah kepada berbagai penyakit dan penyelewengan, sama ada dalam soal akidah, syariat dan sebagainya. Dalam kesempatan ini akan dibentangkan beberapa realiti masyarakat kita secara ringkas.

(A) Akidah

Penyelewengan yang paling bahaya yang dihadapi oleh umat Islam kini ialah penyelewengan di dalam akidah. Di sini akan cuba diutarakan beberapa fenomena tersebut, antaranya ialah:

1. Golongan yang memerangi Islam dari dalam

Ada sebahagian umat Islam yang tidak sedar bahawa mereka diperalatkan oleh musuh-musuh Islam untuk merosakkan Islam dari dalam. Menurut ustaz Mustafa Sabri, di antara musibat yang berlaku ialah gerakan-gerakan yang ditonjolkan di waktu mutakhir ini bertujuan untuk memerangi Islam di dalam negaranya dengan menggunakan penganutNya sendiri. Tidak syak lagi bahawa hal ini akan membawa kepada kekufuran yang paling buruk.⁴⁰

2. Di dalam memahami akidah Islam

Di dalam memahami akidah Islam umat Islam telah berpecah kepada berbagai aliran yang saling bertentangan di antara satu sama lain. Perpecahan ini telah berlaku sejak berkurun-kurun lamanya dan berterusan sampai sekarang. Dalam hubungan ini kita melihat adanya golongan yang menolak hadis, golongan yang menerima hadis *mutawatir* sahaja, golongan yang tidak menerima pakai hadis-hadis *ahad* sama ada dalam soal hukum hakam ataupun akidah, golongan yang memakai hadis yang sangat daif dan juga golongan yang menggunakan hadis-hadis palsu.

Di antara golongan yang menolak hadis yang menyentuh persoalan akidah, khasnya yang berhubung dengan sifat-sifat Allah ialah golongan Jahmiyyah yang kemudiannya di pelopori oleh Mu'tazilah. Kalau kita meneliti dan melihat kembali dengan penuh insaf, nescaya kita akan dapat bahawa tianhaj Mu'tazilah masih diterima dipakai oleh kalangan masyarakat Islam. Ia masih mempunyai pendokongnya. Ini dapat dilihat di dalam kerangka rangcangan hidup individu dan masyarakat. Kalau mereka merancang sesuatu rancangan, mereka tidak memikirkan apakah rancangan yang akan dilakukan itu bertepatan dengan ajaran Islam atau pun sebaliknya. Mereka akan meneruskan rancangan itu asal sahaja di fikirkan baik. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya timbul sesuatu masalah, mereka akan mencari jalan penyelesaiannya dari sudut Islam.

⁴⁰ Mustafa Sabri, *Mawqif al-Aql wa al-Ilm al-'Alam min rabb al-'Alamin*, m.s. 281 juz. 4.

(B) Ibadah

Sudut ibadah juga terdedah kepada penyelewengan. Antaranya ialah:

1. Ada orang yang hanya menumpukan kepada ibadat khusus semata-mata dan tidak mengambil bahagian di dalam urusan mencari nafkah kehidupan. Mereka tidak kisah sama ada dunia dan masyarakat diselewengkan atau jatuh ke tangan musuh-musuh Islam.
2. Ada juga golongan yang merasakan bahawa merekaalah orang Islam yang paling baik walaupun mereka tidak mendirikan sembahyang atau menuaikan rukun Islam yang lain. Mereka beranggapan bahawa ianya cukup dengan mengucap dua kalimah syahadah sahaja.
3. Ada juga umat Islam yang melakukan ibadah dan menuaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang muslim dengan tidak sempurna.

(C) Dalam Syariah

Penyelewengan juga berlaku di dalam syariah. Musuh-musuh Islam berusaha sedaya upaya agar syariah Islam dihapuskan dari dunia ini. Ini kerana mereka beranggapan bahawa syariah Islam menjadi penghalang kepada cita-cita mereka. Antara langkah yang telah diambil ialah:

1. Memerangai syariah Islam dengan menuarkannya dengan undang-undang ciptaan manusia.
 - Ini adalah sebahagian dari kesan pengaruh penjajah yang telah ditinggalkan di negara jajahan mereka. Keadaan ini telah melemahkan umat Islam di mana mereka tidak lagi mempunyai jati diri sebagai orang Islam. Apa ertinya seseorang itu menganut agama Islam kalau sekiranya syariat yang mencerminkan jati diri mereka tidak dapat dilaksanakan. Kalau komunis yang dapat melaksanakan sistem komunis di dalam kehidupan mereka dan dapat melahirkan jati diri mereka di dunia ini, tetapi malangnya umat Islam tidak dapat berbuat demikian walaupun mereka telah mencapai kemerdekaan.

Untuk meneruskan cita-cita tadi, penjajah telah mendidik generasi masyarakat di tanah jajahan mereka bagi meneruskan cita-cita imprealis. Anak-anak didik tadi akan melaksanakan dengan penuh cermat dan amanah ciata-cita mereka. Ini dapat kita lihat dengan jelas dari apa yang telah dilakukan oleh mereka kepada negara Turki di mana mereka tidak akan diberi kemerdekaan sewenang-wenangnya kecuali syarat-syarat berikut di terima. Syarat-syarat tersebut ialah:

1. Turki hendaklah menghapuskan sistem khilafah di dalam negaranya.
2. Turki hendaklah memutuskan hubungan dengan Islam.

3. Turki perlu memberi jaminan untuk membeku dan melumpuhkan semua unsur gerakan Islam yang masih ada.
4. Undang-undang perlombagaan Turki yang berdasarkan kepada Islam hendaklah ditukar kepada undang-undang mereka.

Mengembalikan Kegemilangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah

Apabila kita ingin kembali menjadi umat Islam yang diredhai oleh Allah (s.w.t.) dan menjadi ikutan bangsa-bangsa lain di Dunia, juga sebagai pemimpin umat manusia seluruhnya sebagaimana telah dicapai oleh umat Islam di zaman kegemilangannya, maka umat Islam pada hari ini perlu kembali kepada asas dan prinsip-prinsip yang telah dapat menyatupadukan umat Islam seluruhnya sebagaimana yang telah dibawa oleh al-Quran dan Sunnah Rasulullah (s.a.w.).

Di antara asas dan prinsip itu ialah seperti berikut:

- Pertama : Kita hanya menerima Islam sebagai agama yang benar dan cara hidup yang diredhai Allah.
- Kedua : Sumber hidayat kita ialah al-Quran dan al-Hadith
- Ketiga : Kesatuan Akidah.
- Keempat : Kitab dan Sunnah hendaklah menjadi sumber pendidikan dan Perundungan.
- Kelima : Mendirikan kerajaan Islam dan mengembalikan jawatan *Khilafah Islamiyyah* di dalam masyarakat Umat Islam.